

Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah Kaedah Kerja
Kursus Sejarah
(School-Based Assessment of History Coursework)

MOHAMAD JOHDI SALLEH
ABDUL RAZAQ AHMAD
AHMAD RAFAAI AYUDIN

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengutarakan hasil kajian terhadap Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah, iaitu Kerja Kursus Sejarah (KKS). Pembelajaran berasaskan kerja kursus wajib diambil oleh semua calon Penilaian Menengah Rendah untuk tujuan pensijilan. Fokus perbincangan adalah tentang elemen 'perolehan dan pencapaian' pelajar yang dinilai oleh guru pentaksir terutama berkaitan proses kerja. Hasil kajian mendapati, terdapat kekuatan dan kelebihan yang dimanfaatkan oleh pelajar. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar masih menghadapi pelbagai masalah seperti kematangan pengetahuan, kelonggaran fakta, kecelaruan sumber, dan kelonggaran penjaan kemahiran dalam menjalankan projek KKS. Dengan itu, objektif teras KKS untuk menghasilkan 'little historian' berorientasikan pembelajaran-penyelidikan seperti termaktub dalam falsafah pendidikan Sejarah masih memerlukan usaha gigih daripada banyak pihak. Oleh kerana kekangan masa, kertas ini tidak membincangkan secara teknikal penilaian dan pemarkahan hasil projek KKS pelajar seperti yang digariskan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Hal ini memerlukan kajian yang amat berhati-hati bagi mendapatkan hasil yang jitu, saranan praktikal dan pengutaraan idea yang adil kepada semua pihak.

Kata kunci: Efikasi guru, kelayakan guru, latihan guru, pengalaman mengajar, guru sekolah menengah

ABSTRACT

The paper discusses a study on the School Based Assessment of History Fieldwork which is compulsory for all students of Lower Secondary Assessment (LSA – PMR), Malaysia. The focus of LSA is the 'acquisition of knowledge' and 'achievement of historical skills' by student in a fieldwork which will be evaluated by teacher-assessor. This study shows that students might gain various benefits from the fieldwork. However, they still faces many problems such as lack of knowledge, facts, sources and skills of conducting

fieldwork. The study suggests that the development of 'little historian' as stated in the philosophy of history education still require a great effort and contribution from many official. Due to time constraint, this paper does not discuss the detail procedure of the assessment. It is suggested that the effectiveness of School Based Assessment of History Fieldwork needs further study to identify the real problem for the improvement.

Keywords: *Teacher efficacy, teacher qualification, teacher training, teaching experience, secondary school teacher*

PENGENALAN

Kerja Kursus Sejarah (KKS) merupakan langkah terasas mewujudkan pembelajaran-pengajaran berorientasikan penyelidikan berteraskan Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah (PKBS) yang dikendalikan oleh guru-penilai di setiap sekolah. Setiap calon Penilaian Menengah Rendah (PMR) dikehendaki melaksanakan KKS berbentuk tugas projek sebagai satu keperluan pensijilan. KKS merupakan pengubahsuaian daripada Kajian Sejarah Tempatan yang diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989, yang menampilkan kaedah pembelajaran di luar bilik darjah secara lebih aktif, kreatif dan investigatif dalam kalangan pelajar di peringkat menengah rendah. Mereka dilatih menjadi *little historian* dengan bimbingan guru-guru yang dipantau oleh Unit Sejarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengajaran dan pembelajaran kerja kursus Sejarah bersesuaian dengan perkembangan jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosialisasi (JERIS) pelajar-pelajar seperti yang diaspirasikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selanjutnya membina dan mengembangkan semangat patriotisme sejati, kewarganegaraan tulen dan harmoni selaras dengan Dasar Pembangunan Negara (PPK, 1990).

TINJAUAN LITERATUR

Sejarah merupakan subjek teras KBSM yang mesti diambil untuk peperiksaan oleh semua pelajar peringkat menengah rendah dan menengah atas. Sehubungan dengan itu, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum berusaha gigih memastikan pelajar-pelajar mendapat manfaat maksimum dalam pengajaran pembelajaran. Langkah seperti ini telah lama dipelopori dan diamalkan oleh negara-negara maju seperti Jerman, Perancis, Amerika Syarikat dan Jepun. Kerja Kursus Sejarah menjadi subjek mandatori di United Kingdom seawal 1932. Pelajar-pelajar didedahkan dengan pelbagai fakta dan peristiwa perjuangan pelbagai golongan lapisan rakyat yang berganding bahu dengan pahlawan dan pemimpin bagi membentuk kedaulatan negara.

Kejayaan dan perjuangan yang dimuatkan dalam kurikulum sejarah KBSM boleh memberikan kesedaran dan mencetuskan daya juang yang tinggi bagi meneruskan pembangunan negara ke arah yang lebih gemilang. Para pelajar diajar dan dididik supaya mengambil iktibar daripada sejarah dengan prinsip: Yang baik dijadikan teladan dan buruk dijadikan sempadan. Bahkan, dalam Surah Yusof tertera petikan berikut: Sesungguhnya terdapat iktibar dalam kisah-kisah para Nabi, membuktikan nilai iktibar daripada peristiwa Sejarah perlu dijadikan sandaran dalam kehidupan. Mereka yang menyisihkan iktibar sejarah akan sentiasa mengulangi kesalahan yang serupa persis berulang kali dipatuk ular dari lubang yang sama. Lantaran itu, negara maju yang celik sejarah sentiasa berusaha ke arah kecemerlangan dengan dasar hari ini lebih baik dari semalam dan esok diusahakan lebih baik dari hari ini. Prinsip sedemikian telah berjaya membawa negara Jepun ke persada kegemilangan ekonomi dunia selepas hancur berdebu angkara bom atom Amerika Syarikat di Hiroshima dan Nagasaki. Dalam Falsafah Pendidikan Sejarah telah dinyatakan :

Since history directly deals with issues of nationality, politics and citizenship, it is very important for all students to learn this subject. This subject could be used as an effective instrument to create national identity, reinforce a sense of belonging and loyalty to the country and cultivate the spirit of patriotism. Consequently, through the acquisition of knowledge and appreciation of the country's history, it is hoped that pupils would be aware of the variety of social and national life and could this understanding foster national unity as stipulated in the Malaysian development plans
Atkinson (hlm 22; 1989)

Sesungguhnya, perolehan fakta, pengamalan dan penghayatan sedemikian sedang gigih dijayakan oleh KPM melalui subjek Sejarah sebagai mekanisme penjana semangat kewarganegaraan dan patriotisme dengan acuan Malaysia Boleh. Setiap tahun menjelang Hari Kemerdekaan, pihak sekolah menganjurkan Minggu Patriotisme melalui pelbagai upacara persembahan di samping mengibarkan jalur gemilang.

Sehubungan dengan itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) telah menggariskan objektif pendidikan Sejarah untuk membolehkan pelajar:

1. Memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.
2. Memahami dan menghargai ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
3. Menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan serta tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara.
4. Mempunyai kesedaran sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini.
5. Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional.

6. Mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman sejarah.
7. Mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Berdasarkan objektif yang di bincangkan, adalah amat wajar Sejarah terus dijadikan subjek teras dalam semua peringkat persekolahan menengah dan di pusat pengajian tinggi dengan kaedah pengajaran-pembelajaran terkini dan efektif. Untuk menyediakan landasan penilaian yang lebih praktikal, Lembaga Peperiksaan Malaysia (2001) telah menggariskan objektif penilaian KKS, iaitu:

1. Menganalisis dan mengaplikasi fakta-fakta Sejarah secara rasional.
2. Menyampaikan maklumat fakta sejarah secara rasional.
3. Menyeneraikan iktibar daripada pengalaman sejarah.
4. Merumuskan iktibar dan faedah daripada pengalaman sejarah.
5. Mengemukakan idea baru dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.
6. Memberi pandangan dan saranan terhadap usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.

Objektif KKS merupakan usaha ke arah pemerolehan fakta dan iktibar sejarah daripada manifestasi peristiwa masa lalu yang menjadi teras pembentukan negara pada hari ini. Bahkan semua pihak menyedari dan mengakui bahawa Sejarah merupakan satu-satunya subjek yang paling banyak membincangkan aspek kewarganegaraan dan ketamadunan yang perlu disebatikan dalam jiwa sanubari kanak-kanak di bangku sekolah.

Keperntingan kerja kursus dalam perkembangan pemikiran kanak-kanak banyak dijelaskan oleh sejarawan terkemuka dan penyelidik pendidikan Sejarah di luar negara. Antara yang terserlah ialah Finberg (1952), Douch (1967), Stephens (1977), Richardson (1983), Hoskins (1984), Griffin & Eddershaw (1994), Watts & Grosvenor (1995), Jeremy Black & MacRaild (1997), Southgate (1997), dan McCullagh (1998).

Pakar-pakar Sejarah bersetuju, KKS memberi banyak peluang dan kemahiran kepada para pelajar semasa penyelidikan dilaksanakan.

“Learning experiences which allow them to demonstrate their progress in knowledge and understanding of history; ability to investigate and work with historical sources of different kinds; ability to provide interpretation of the past are consistent with the evidence; ability to locate, select and organize historical information; ability to present findings appropriately and effectively give historical explanations; sense of the past; awareness of how the past helped to fashion the present; enthusiasm for exploring the past; respect for evidence; toleration of a range of opinions; and, construction approach to collaborative working”. The students should be given opportunity to use a range of historical sources including written evidence,

artifacts, pictures, photographs, music, buildings, sites and computer-based materials. They should also be introduced to a range of perspectives such as political, economic, technological and scientific, social, religious, cultural and aesthetic. They should be actively involved in historical investigations which stem from their own interests, through asking questions, selecting and recording their own sources, organizing the information they collect and presenting their findings in a variety of ways such as orally, in writing or through model-making, pictures, drama or information technology”

Mohamad Johdi (2000)

Aspek-aspek yang dibincangkan banyak menyentuh aspek amali pendidikan Sejarah supaya guru dan pelajar lebih aktif, kritis, kreatif dan inovatif. Kaedah paling efektif ialah melalui pendekatan berorientasikan *little historian* seperti yang tersirat dalam aspirasi KKS. Kajian-kajian yang berkaitan pelaksanaan kerja kursus sejarah pada dasarnya belum dilakukan, walaupun ada hanya di peringkat sekolah untuk tujuan kajian tindakan oleh guru-guru bagi keperluan dalaman. Dalam pelaksanaan KKKS, guru-guru Sejarah dipertanggungjawabkan untuk memberi markah berkaitan aspek-aspek amalan berikut: (1) Pemprosesan fakta sejarah, (2) Pengamalan kaedah penyelidikan Sejarah, (3) Penghayatan nilai-nilai Sejarah dan (4) Peningkatan semangat patriotisme. Lembaga Peperiksaan menetapkan supaya penilaian dalam kerja kursus sejarah menggunakan sistem Skor Berdasarkan Elemen (SBE) dengan tahap pencapaian A-Cemerlang, B-Kepujian, C-Memuaskan dan D-Lemah. Pihak Lembaga turut memberi perincian dalam skema pemarkahan sebagai panduan guru-pemeriksa yang ditugaskan untuk memberi bimbingan kepada pelajar terhadap proses KKS dan pemarkahan hasil yang disediakan oleh setiap pelajar calon PMR (PPK 2001).

Hasrat murni dan usaha gigih Unit Sejarah PPK diharapkan mencapai hasil optimum. Sehubungan dengan itu, pencapaian pelajar-pelajar dalam subjek KKS perlu dikaji bagi memastikan keberkesanan perlaksanaannya. Persoalan utama adalah terhadap aspek-aspek asas yang diberi penilaian dan pemarkahan oleh guru-penilai di setiap sekolah berteraskan PKBS.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau pencapaian dan perolehan pelajar-pelajar terhadap strategi perlaksanaan dan aspek-aspek yang dinilai dalam PKBS kaedah projek KKS, khususnya cuba menjawab persoalan berikut:

1. Bagaimanakah kefahaman pelajar terhadap konsep dan nilai subjek KKS?
2. Bagaimanakah pelajar mencapai matlamat dan objektif kurikulum KKS?
3. Bagaimanakah perolehan pelajar terhadap kemahiran sejarah melalui KKS?
4. Bagaimanakah pengamalan dan penghayatan pelajar terhadap penghargaan dan iktibar dalam KKS?
5. Bagaimanakah minat pelajar terhadap pembelajaran-pengajaran KKS?

Perkara-perkara ini merupakan elemen yang diberi penilaian dan pemarkahan seperti termaktub dalam Buku Panduan Penilaian KKS terbitan Lembaga Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tahun 2001. Kajian ini hanya memfokuskan kepada proses dan hasil pengajaran-pembelajaran selaras dengan persoalan di atas. Adalah diharapkan, dapatan kajian ini akan memberi sumbangan dan nilai tambah PKBS melalui kerja amali KKS.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan eksploratori. Pengumpulan data dibuat melalui pengedaran soal selidik dan sesi temu bual dengan 44 orang pelajar calon PMR 2002 dan 3 orang guru Sejarah yang terlibat dengan pengajaran-penilaian KKS di daerah Gombak. Pemilihan sampel pelajar dijalankan melalui teknik persampelan berstrata (stratified random sampling) dengan memilih secara random pelajar dari kelas yang dikategorikan sebagai baik, sederhana dan lemah yang melibatkan jumlah responden seperti dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Responden Kajian

Item	Lelaki	Perempuan	Item	Melayu	Cina	India
Jantina	34.1 %	65.9%	Kaum	61.4%	20.5 %	18.2 %

Data-data dianalisis berdasarkan kekerapan pilihan jawapan, peratusan dan min menggunakan skala Likert 6 mata iaitu : 1-Sangat Tidak Setuju, 2-Tidak Setuju, 3-Agak Tidak Setuju, 4-Agak Setuju, 5-Setuju, dan 6-Sangat Setuju. Maklum balas yang diberikan dirumuskan kepada dua kategori, iaitu tahap setuju (4-6) dan tidak setuju (1-3). Hasil temu bual turut dianalisis sebagai data sokongan dan tambahan bagi memperkukuhkan lagi dapatan soal selidik. Batasan kajian yang bersifat tinjauan eksploratori yang merujuk kepada responden dan faktor demografi sahaja.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Fokus utama kajian merujuk kepada perolehan dan pencapaian pelajar dalam KKS yang diberi penilaian dan pemarkahan oleh guru pentaksir KKS di sekolah. Dapatan kajian dibincangkan mengikut lima soalan kajian yang dibina.

BAGAIMANAKAH KEFAHAMAN PELAJAR TERHADAP KONSEP DAN NILAI KERJA KURSUS SEJARAH?

JADUAL 2. Kefahaman Pelajar terhadap Konsep dan Nilai Subjek KKS

Item Kefahaman Konsep dan Nilai	Respons Pelajar (N = 44) 6-skala/ (Peratus)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
Perbezaan masa lalu dan sekarang.	(88.63)	(11.37)	5.0227
Mengapa manusia dahulu berbuat demikian.	(81.82)	(18.18)	4.6136
Mengetahui cerita benar atau rekaan.	(79.55)	(20.45)	4.4773
Sesuatu cerita mempunyai pandangan berbeza-beza.	(70.45)	(29.55)	4.3488
Bahan-bahan peninggalan persekitaran.	(77.27)	(22.23)	4.7045
Pemikiran dan kepercayaan manusia masa lalu.	(79.55)	(20.45)	4.6818
Perkaitan bahan masa lalu dengan sekarang	(74.00)	(26.00)	4.2727
Imaginasi peristiwa sejarah masa lalu.	(79.54)	(20.46)	4.5000
Membezakan fakta dan pendapat.	(77.28)	(22.72)	4.3636
Berkomunikasi dengan sumber sejarah.	(65.91)	(34.09)	4.1136
Sumber sejarah membantu menyelesaikan masalah.	(68.19)	(31.81)	4.1136
Membuat kesimpulan daripada sumber sejarah.	(81.82)	(18.18)	4.6818
Purata Maklum Balas	77.00	23.00	4.4911

Jadual 2 menunjukkan jawapan responden tentang konsep dan nilai KKS. Jadual 2 menunjukkan purata maklum balas dalam aspek konsep dan nilai subjek KKS kurang menggalakkan, iaitu 77.00%. Kefahaman tertinggi responden adalah terhadap elemen mengenal perbezaan di antara masa lalu dan sekarang, iaitu 88.63% setuju dan bacaan min 5.0227. Maklum balas paling rendah ialah elemen berkomunikasi/berhubungan maklumat daripada sumber sejarah yang diperoleh yang mencatatkan maklum balas serendah 65.91% dan min 4.1136.

Pengkaji mengenal pasti beberapa masalah yang menyumbang kepada kefahaman yang tidak menggalakkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1 melalui sesi temu bual. Pelajar kurang diberi pendedahan secara tepat tentang sumber-sumber sejarah. Mereka diberi kebebasan bersendirian untuk mencari, memperoleh dan merumuskan sumber dengan penyertaan guru yang minima dan sebahagiannya tiada langsung penyertaan guru terutama yang melibatkan kajian lapangan dan lawatan.

Pencapaian purata 77.0% dan beberapa elemen di bawah 80.0% perlu ditingkatkan lagi kerana kefahaman terhadap konsep dan nilai subjek adalah teras kepada pembelajaran-pengajaran setiap mata pelajaran, terutama KKS yang berorientasikan kaedah penyelidikan empirikal. Kegagalan penguasaan Konsep Subjek akan menjejaskan prestasi berikutnya termasuk pencapaian KKS.

BAGAIMANAKAH PELAJAR MENCAPAI MATLAMAT DAN OBJEKTIF KURIKULUM?

JADUAL 3. Pencapaian Pelajar terhadap Matlamat dan Objektif Kurikulum KKS

Item pencapaian Matlamat dan Objektif	Respon Pelajar (N = 44) 6-skala/ (Peratus)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
Kebolehan mengaitkan maklumat dengan sesuatu peristiwa.	(90.91)	(9.09)	4.9091
Mencari, mengasing dan manilai sumber pertama dan kedua.	(88.64)	(11.36)	4.7727
Mengkaji bukti dan membuat kesimpulan dengan jelas.	(77.27)	(22.73)	4.5227
Membina keyakinan diri, mencapai kejayaan dan ingin tahu.	(86.36)	(13.64)	4.9091
Membuat keputusan, penyelidikan dan berkomunikasi	(79.55)	(20.45)	4.4773
Purata Maklum Balas	84.54	15.46	4.7182

Dapatan kajian terhadap persoalan ditunjukkan dalam Jadual 3. Dalam Jadual 3, purata maklum balas terhadap matlamat dan objektif KKS 84.54% boleh dikategorikan sebagai pencapaian yang menggalakkan. Maklum balas tertinggi terhadap elemen membina kebolehan memilih dan menilai maklumat serta mengaitkannya secara jelas dengan sesuatu peristiwa terhadap pencapaian ialah 90.91% dan min 4.9091, namun elemen kemahiran seperti membuat keputusan (*decision making*), penyelidikan (*research*) dan perhubungan (*communication*) adalah di bawah 80%.

Daripada temu bual, responden menyatakan masih memerlukan pendedahan secara objektif dan realistik terhadap berbagai sumber dan maklumat sejarah. Mereka boleh mencari maklumat dan fakta sejarah. Tetapi agak sukar untuk mengolah, mengelaskan dan menyimpulkan secara praktikal dalam bentuk tulisan untuk diorganisasikan dalam folio sejarah. Walau bagaimanapun, sebahagian responden berusaha menyelesaikan masalah ini dengan kerap merujuk kepada guru, ibu-bapa dan kawan-kawan. Dari satu segi, ini merupakan langkah yang baik dilakukan oleh responden.

Dapatan ini menunjukkan masih terdapat kelemahan pencapaian kemahiran dalam kalangan pelajar dalam 'matlamat dan objektif' kurikulum KKS. Sedangkan aspek ini amat penting dalam menilai matlamat, keberkesanan dan pencapaian pelajar terutama pembelajaran kerja projek.

BAGAIMANAKAH PEROLEHAN PELAJAR TERHADAP KEMAHIRAN SEJARAH MELALUI KKS?

Pencapaian purata maklum balas adalah 78.57% dan ini adalah kurang menggalakkan kerana terdapat lebih 20% dalam kalangan responden yang tidak

memperolehi kemahiran sejarah'. Tambahan pula, hanya dua elemen sahaja melebihi 80%. Berdasarkan temu bual, didapati, sebahagian besar responden tidak memahami elemen kemahiran sejarah dengan jelas. Mereka keliru dengan istilah khusus disiplin sejarah terutama empati dan simpati, bukti dan sumber, imaginasi dan khayalan, inkuiri-investigatif dan pertanyaan, dan sebagainya. Responden menyatakan mereka mencari bahan dan melaksanakan kerja kursus di atas inisiatif sendiri dan kurang pendedahan secara terperinci dan praktikal terhadap elemen kemahiran sejarah. Dapatanya dapat dilihat melalui Jadual 4:

JADUAL 4. Pencapaian Pelajar terhadap Kemahiran Sejarah Melalui KKS

Item pencapaian Kemahiran Sejarah:	Respons Pelajar (N = 44) Skala 6 point / (Peratus)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
Menggunakan bukti sejarah;	(75.00)	(25.00)	4.1818
Memahami bukti dan tempat mengkaji sejarah;	(81.82)	(18.18)	4.5455
Imaginasi dan empati;	(70.45)	(29.55)	4.0682
Mengaitkan aktiviti manusia masa lalu dan masa kini;	(73.55)	(27.45)	4.6136
Konsep masa dan perubahan;	(78.55)	(21.45)	4.6591
Konsep sebab dan akibat, persamaan dan perbezaan.	(84.09)	(15.91)	4.6818
Menyelidik, menganalisis, menilai dan membuat keputusan.	(79.55)	(20.45)	4.8864
Purata Maklum Balas	78.57	21.43	4.5195

Kecelaruan dan pengabaian perolehan kemahiran sejarah mengakibatkan pelajar tidak akan dapat merasai dan menghayati kenikmatan belajar sejarah termasuk KKS. Ungkapan sejarah membosankan, sejarah mempelajari objek mati, sejarah memundurkan negara, dan bermacam lagi. Tidak pandai menari dikatakan papan jongkang-jongkit.

BAGAIMANAKAH PENGAMALAN DAN PENGHAYATAN PELAJAR TERHADAP PENGHARGAAN DAN IKTIBAR DALAM KKS?

Dapatan kajian mengenai persoalan ini dibentangkan dalam Jadual 5. Pencapaian responden dalam elemen penghargaan dan iktibar adalah menggalakkan iaitu purata 86.36% bersetuju dengan min hampir 5.000. Semua elemen melebihi respon purata dengan elemen menghayati peristiwa sejarah dan mengambil iktibar daripadanya mencapai tahap tertinggi iaitu 93.18%. Dalam proses temu bual, responden menyatakan mereka tidak menghadapi masalah dalam mengenalpasti dan menyenarai elemen pengamalan dan penghayatan penghargaan dan iktibar dari KKS yang mereka jalankan. Perolehan ini turut diakui oleh guru-guru yang membuat penilaian terhadap hasil projek KKS.

JADUAL 5. Pengamalan dan Penghayatan Pelajar terhadap 'Penghargaan dan Iktibar' dalam KKS

Item Penghargaan dan Iktibar:	Respons Pelajar (N = 44) Skala 6 point / (Peratus)		
	Setuju	Tidak Setuju	Min
Menghayati peristiwa sejarah dan mengambil iktibar daripadanya.	(93.18)	(6.82)	5.1591
Menghargai dan menghayati perjuangan tokoh dan warisan sejarah.	(84.09)	(15.90)	4.7955
Pengamalan dan penglibatan diri dalam kegiatan sekolah, kesetiaan, perpaduan dan bertanggung jawab membangunkan masyarakat.	(81.82)	(18.18)	4.7727
Purata Maklum Balas	86.36	13.64	4.9091

Walau bagaimanapun, sebahagian guru dan responden pelajar merasa kurang selesa dari segi pengamalan dalam perilaku sebenar segelintir pelajar terutama di sekolah. Responden menyatakan masih terdapat vandalisme, gangsterisme, *black metal*, kelonggaran keperihatinan, kepudaran kesetiaan, kelesuan motivasi dan kecairan perpaduan. Bilangannya amat kecil tetapi mencelaruken suasana keharmonian sekolah dan keberkesanan pembelajaran. Fenomena salah laku ini ada kebenarannya apabila ditinjau keadaan di sekolah terutama tandas pelajar, manakala di luar ialah kerosakan harta awam terutama telefon dan pencontengan. Kemungkinan mereka ini segelintir kecil daripada 13.64% yang tidak setuju seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Respon sebegini merupakan petanda baik kepada pengamalan dan penghayatan responden terhadap penghargaan dan iktibar melalui pembelajaran-pengajaran KKS. Ini selaras dengan salah satu nilai subjek sejarah KBSM iaitu mengenal pasti dan meneladani iktibar peristiwa ke arah personaliti yang lebih berdisiplin dan progresif.

BAGAIMANAKAH MINAT PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN-PENGAJARAN KKS?

Dapatan kajian terhadap persoalan ini ditunjukkan dalam Jadual 6:

JADUAL 6. Minat Pelajar terhadap Pembelajaran-pengajaran KKS

Adakah anda minat subjek Kerja Kursus Sejarah	Ya N=44 (%)	Tidak N=44 (%)
Minat terhadap fakta sejarah	68.20	31.80
Minat kepada kaedah	63.64	36.36
Purata Respons	65.92	34.08

Pencapaian purata maklum balas serendah 65.92% yang merujuk kepada minat pelajar terhadap pembelajaran-pengajaran KKS adalah mengejutkan. Sebaliknya, purata maklum balas 34.08% tidak minat boleh dijadikan petanda bahawa sebahagian besar pelajar tidak minat mempelajari subjek sejarah secara keseluruhan. Kemungkinan besar, dapatan ini ada perkaitan dengan amalan KKS yang dijalankan tidak di tapak sejarah yang sebenar. Responden menyatakan 47.7% sahaja yang melibatkan pengajaran-pembelajaran di tapak bersejarah dengan majoriti kajian tema sekolah, hanya 5% di perpustakaan daerah, dan serendah 2.5% di tapak sebenar seperti terkandung dalam buku teks.

Semasa temu bual, responden menyatakan kaedah KKS seakan-akan sama dengan pengajaran-pembelajaran subjek sejarah. Guru memberi maklumat dan arahan melaksanakan KKS seperti yang tertera dalam buku panduan. Pelajar mencari fakta dengan kaedah penyelidikan sendiri. Pencarian fakta sejarah tertumpu di rumah, sekolah dan kawasan setempat. Responden menimbulkan masalah kewangan, penggunaan banyak masa dan guru kurang memberi komitmen sepenuhnya ke arah strategi pengajaran-pembelajaran.

Apa yang berlaku di sekolah menunjukkan pelajar menganggap mempelajari sejarah seperti suatu paksaan, sehingga timbul usul untuk menggugurkan sejarah daripada subjek teras serta digugurkan daripada kurikulum persekolahan era IT-globalisasi. Andainya hal ini berlaku, negara akan mengalami kerugian, kerana hasil Sejarah tidak kelihatan secara langsung sepertimana subjek matematik dan sains sebaliknya Sejarah memberi kesan secara tersirat dan jangka panjang dalam membentuk generasi yang luhur, berbudi dan mengenal jatidiri bangsa.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Oleh kerana pelaksanaan KKS masih lagi baru, maka tidaklah adil untuk memberikan penghakiman yang terlaklu ketat. Berikut beberapa cadangan disyorkan bagi meningkatkan mutu PKBS terutama perolehan dan pencapaian pelajar dalam strategi pembelajaran-pengajaran KKS:

PENGUKUHAN KONSEP DAN NILAI

Meningkatkan kefahaman konsep dan nilai KKS melalui aspek-aspek berikut : (1) Pendedahan kepada pelbagai sumber primer dan sekunder serta artifak yang paling hampir dengan mereka; (2) Pelajar diajar teknik memahami, mengintegrasikan, menganalisis dan mensintesis sumber sehingga menjadi tulisan sejarah yang berorientasikan formula seperti Taksonomi Bloom, atau penilaian Coltham dan Fines; dan (3) Menjelaskan bahawa sumber sejarah boleh mengilhamkan jawapan kepada persoalan peristiwa masa lalu yang sebahagiannya masih berlaku pada masa kini. Selanjutnya, pelajar-pelajar perlu diberi kefahaman jitu terhadap semua elemen konsep dan nilai KKS seperti

terkandung dalam Jadual 1 demi memantapkan dan meluaskan persepsi mereka terhadap falsafah subjek sejarah secara komprehensif.

MATLAMAT DAN OBJEKTIF

Guru sejarah dan guru pentaksir perlu mengenalpasti bahawa setiap pelajar benar-benar memahami matlamat dan objektif pembelajaran-pengajaran KKS. Aspek ini telah digariskan oleh PPK dan LPM dalam buku panduan adalah jelas. Berikan kefahaman sepenuhnya kepada pelajar dengan matlamat mereka mengetahui perkara yang diarahkan dalam pelaksanaan ke arah memperoleh hasil terbaik. Jika kabur, kemungkinan pelajar-pelajar akan mundur-mandir mencari-cari hala tuju, banyak masa terbuang dan kehilangan minat.

PENAJAMAN KEMAHIRAN SEJARAH

Dalam pengajaran-pembelajaran KKS, pencapaian saintifik keilmuan sejarah dan teknikal kemahiran sejarah seperti bukti, kefahaman, empati, ruang, perubahan, sebab-akibat dan inkuiri-investigatif yang merupakan paksi wajib dimiliki oleh *professional historians* dan pembentukan *little historian*. Kesemua elemen ini dinilai dalam pemprosesan fakta PKBS KKS. Oleh itu setiap penajaman kemahiran perlu dijalankan secara praktikal oleh pengajar sehingga pelajar benar-benar berkebolehan barulah diminta untuk melaksanakan tugas secara berdikari. Biarlah mengenal huruf sebelum membaca, duduk sebelum belanjur, dan bertatih sebelum berjalan.

PENGAMALAN PENGHARGAAN & IKTIBAR

Dari satu sudut, responden berjaya memahami elemen ini dengan harapan mereka benar-benar mengamalkan secara praktikal dalam kehidupan seharian di rumah, di sekolah, dalam masyarakat, dan di mana jua mereka berada. Jika perlu kendalikan pemantauan konsisten terhadap pengamalan dan penghayatan yang dicatatkan dalam hasil projek KKS. Adakan bengkel, perkhemahan dan program patriotisme secara intensif dan efektif. Penanaman jatidiri pelajar seperti pepatah 'intan permata tetap berkilau walaupun di dalam debu pasir Sahara'.

PENANAMAN DAN PENYUBURAN MINAT

Dalam permasalahan ini, pelajar-pelajar seharusnya diberi pendedahan awal seperti semasa di Tingkatan 1. Kaedah berorientasikan rangsangan minat seperti melalui lawatan investigatif ke tempat sejarah, lawatan inkuiri ke muzium, dan strategi pembelajaran-pengajaran sejarah secara aktif kritis, kreatif dan efektif. Kewangan bukanlah masalah mutlak. Pada realitinya, setiap cuti sekolah ramai pelajar melawat muzium, Bandaraya Bersejarah Melaka, Lembah Bujang dan berbagai tempat bersejarah lain. Persoalannya, adakah mereka benar-benar

memanfaatkan lawatan tersebut selaras dengan falsafah, strategi dan teknik pembelajaran. Jika sekadar menonton artifak dan mantifak kaku tanpa menyingkap yang tersirat secara akademik, tidak pelik jika mereka menganggap pembelajaran subjek sejarah sebagai kaku dan beku. Sehubungan dengan ini, guru-guru dan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah efektif untuk memartabatkan subjek sejarah di persada nilai falsafahnya.

LATIHAN PRAKTIKAL DAN INSENTIF KEPADA GURU

Menjadi fitrah suci guru untuk para pelajarnya berjaya terutama dalam subjek yang diajar dan seterusnya keseluruhan persekolahan-pendidikan. Lantaran itu, kelemahan dan kegagalan yang wujud dalam pengajaran-pembelajaran perlu diatasi segera secara kolektif dan efektif. Antaranya menganjurkan kursus dan latihan secara praktikal kepada guru-guru mengenai kemahiran pengajaran-pembelajaran KKS di tempat bersejarah setiap negeri seperti di Melaka, Kuala Lumpur dan Sarawak. Memberi insentif bajet kepada guru-guru KKS yang mengendalikan pelajar-pelajar ke lawatan kependidikan di tapak bersejarah terutama yang ditera dalam buku teks Sejarah, menjemput tokoh sejarah ke sekolah untuk menceritakan pengalaman sebenar seperti zaman darurat, menyediakan pelbagai *worksheets* kerja projek, dan menggunakan *Computer Assisted Learning*.

Pendedahan asas kemahiran sejarah secara praktikal dan realistik mungkin wajar dilaksanakan pada Tingkatan 1, pengukuhan pada Tingkatan 2 dan penghasilan projek pada Tingkatan 3. Kesyinambungan pembelajaran dan kemahiran secara praktikal adalah efektif untuk penjanaan saintifik ilmu, motivasi jatidiri, penyuburan minat, pengasahan minda kritis dan kreatif, serta keperihatinan penghayatan dan pengamalan dengan ikhlas. Semua pihak yang terlibat dengan pendidikan Sejarah perlu membuat suatu anjakan paradigma supaya pembelajaran-pengajarannya sentiasa efektif dalam merentasi kecanggihan IT di era globalisasi serta berbagai cabaran mendatang.

KESIMPULAN

Jelaslah bahawa perlaksanaan KKS mempunyai nilai jangka pendek dan jangka panjang untuk kebaikan pelajar, sistem pendidikan, dan negara. Kaedah ini telah banyak memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk terlibat secara langsung dengan kaedah pengajaran-pembelajaran sejarah lebih aktif dan produktif. Proses PKBS projek KKS wajar diselenggarakan secara berperingkat, berterusan dan profesional. Pengkaji amat menghargai setiap usaha yang disumbangkan oleh semua pihak untuk memastikan keberkesanan dan kejayaan perlaksanaan KKS. Tidak ada satu pihak pun yang merancang untuk kegagalan. Oleh itu, adalah diharapkan bahawa kelemahan yang timbul perlu diterima dengan positif dan

sama-sama berusaha memperbaiki supaya mencapai objektif dengan lebih cemerlang. Pelajar-pelajar kini adalah pewaris generasi yang mencorakkan senario negara akan datang. Pengabaian terhadap subjek Sejarah bererti penyisihan aspek patriotisme dan kenegaraan yang memungkinkan kita berdagang di negeri sendiri. Sejarah mempunyai kekuatan tersendiri - 'Sedetik pengalaman tidak sama dengan sepurnama penceritaan'.

RUJUKAN

- Aldrich, R. (ed.) 1991. *History in the National Curriculum*. Kogan Page in association with the Institute of Education, University of London.
- Anderson, C. & Moore, A. 1994. Making history happen outside the classroom. *Teaching History*. In edited by Hilary Bourdillon. The Open University, London: 196-208.
- Andreotti, Keith. 1993. *Teaching History from Primary Evidence*. Association with Roehampton Institute, London.
- Ashby, R. & Lee, P. 1987. Children's concepts of empathy and understanding in history. *The History Curriculum for Teachers*. In edited by C. Portal. London: The Falmer Press.
- Atkinson, R.F. 1989. *Knowledge and Explanation in History*. London: Macmillan Education Ltd.
- Black, Jeremy & MacRaild, Donald M. 1997. *Studying History*. London: MacMillan.
- Brooks, Aris & Perry 1993. *The Effective Teaching of History*. London: Longman.
- Hannam, C.L. 1970. Projects and Group Work. In *Teaching History*. London: The Historical Association.
- Heywood, J. & O'Connor, S.J. 1974. *Assessment in History - Twelve to Fifteen-*. Dublin: The School of Education, Trinity College.
- Jones, G. & Ward, L. 1978. *New History - Old Problems*. University of Swansea.
- Mohd Johdi. 2000. *Students Interest and Usefulness of Fieldwork Approach to History*, Thesis PhD, Birmingham University.
- Ministry of Education Malaysia. 2001. *Assessment of History ICSS*. Kuala Lumpur: Examination Board,
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Tingkatan IV, Sejarah*.
- Southern Examining Group. 1987. *GCSE History: Teachers' Guide*. SEG.
- Southgate, Beverly. 1997. *History: What & Why*. London: The Falmer Press.
- Sutton, H. 1977. *Projects at Historic Houses: A Guide for Teachers*. London: Herritage Books.
- Watts, R. & Grosvenor, Ian (eds.) 1995. *Crossing the Key Stages of History: Effective History Teaching 5-16 and Beyond*. London: David Fulton.

Mohamad Johdi Salleh
 Institute of Education
 International Islamic University Malaysia
 Kuala Lumpur